

**Naib presiden: Pertembungan dua generasi Umno**  
**Malaysiakini.com**  
**Mar 24, 09**

Pemilihan pucuk pimpinan Umno, khususnya bagi jawatan naib presiden, menyaksikan persaingan antara dua generasi pemimpin Umno.

Daripada lapan calon yang bertanding, empat adalah dari generasi muda dan empat lagi dari generasi lama.

Calon generasi muda terdiri daripada Datuk Seri Hishammuddin Hussein, 48; Datuk Sri Ahmad Zahid Hamidi, 56; Datuk Seri Shafie Apdal, 52; dan Datuk Seri Mohd Khaled Nordin, 51.

Manakala calon generasi lama terdiri daripada Datuk Seri Utama Dr Rais Yatim, 67; Tan Sri Mohd Isa Abdul Samad, 60; Datuk Seri Syed Hamid Albar 65, dan Tan Sri Abdul Rahim Tamby Chik, 59.

Hishammuddin, Zahid, Shafie dan Khaled dilihat sebagai pemimpin sedang meningkatkan dalam Umno. Ini juga merupakan percubaan pertama mereka untuk merebut jawatan naib presiden.

Manakala Rais, Isa, Syed Hamid dan Abdul Rahim, merupakan pemimpin yang pernah menyandang jawatan tinggi kerajaan sebagai menteri, ketua menteri dan menteri besar sebelum ini.

Dalam pemilihan 2004, Isa mendapat undi tertinggi bagi jawatan naib presiden tetapi kemenangannya dibatalkan kerana politik wang dan digantung keahlian selama tiga tahun.

Pertembungan dua generasi bagi jawatan ketiga terpenting Umno itu dianggap cukup menarik bagi menilai kebenaran perubahan yang diwar-warkan bakal berlaku dalam pemilihan kali ini.

Persoalannya adalah sama ada perwakilan akan memberi peluang kepada pemimpin muda untuk menerajui Umno ataupun masih mengekalkan mahu gabungan pemimpin lama dan baru.

Pemerhati politik berpandangan, keputusan pemilihan bagi jawatan tersebut akan mencerminkan citarasa para perwakilan selepas Umno kalah teruk dalam pilihanraya umum tahun lalu.

### **Serah kuasa**

Dalam pilihanraya tersebut, Barisan Nasional (BN) yang ditunjangi oleh Umno, gagal mengekalkan penguasaan dua pertiga di Parlimen.

Di samping itu, BN juga kehilangan tiga kerajaan negeri - Kedah, Pulau Pinang, Perak dan Selangor - kepada pembangkang.

Ekoran itu, pelbagai lapisan ahli dan pemimpin Umno, telah mendesak supaya disegerakan peralihan kuasa dari Abdullah kepada Najib.

Pada mulanya, Abdullah bersetuju untuk menyerahkan kuasa kepada Najib pada pertengahan 2010.

Bagaimanapun, beliau terpaksa mempercepatkan penyerahan kuasa tersebut selepas perhimpunan agung Umno minggu ini, ekoran desakan berterusan ahli Umno.

Abdullah juga tidak mempertahankan jawatan presiden dalam pemilihan kali ini, yang dimenangi tanpa bertanding Najib.

Begitu juga dengan persaingan bagi jawatan ketua Wanita Umno Malaysia antara Tan Sri Rafidah Aziz dengan Datuk Shahrizat Abdul Jalil - yang juga dianggap sebagai pertarungan antara dua generasi.

Bagi kerusi Majlis Tertinggi (MT) pula, 39 daripada 50 calon yang bertanding adalah merupakan generasi muda.

Hanya sebelas calon yang dianggap dari generasi lama. Mereka ialah Datuk Seri Idris Jusoh, Datuk Sri Adnan Yaakob, Datuk Tajuddin Abdul Rahman, Datuk SP Lajin Ukin, Tan Sri Jin Samsudin, Datuk Ishak Ismail, Datuk Dr Abdullah Md Zin, Datuk Shahrir Samad, Datuk Wira Mohd Johari Baharum dan Datuk Abdul Ghani Othman, Datuk Seri Shahidan Kassim.

Copyright © 1999-2007 Mkini Dotcom Sdn. Bhd.  
<http://www.malaysiakini.com/news/100866>